

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: STML - Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Sent: Thursday, 2 March, 2017 8:54 AM
To: UUM - All Staff
Subject: JOM CUCI DAN BERAMAL DI KAMPUNG KUNLUANG



Assalamualaikum & Salam Sejahtera

02 Mac 2016 / 03 Jamadilawal 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PROGRAM JOM CUCI DAN BERAMAL DI KAMPUNG KUNLUANG



STML ONLINE: Satu program sukarelawan Jom Cuci & Beramal iaitu program gotong royong menceriakan dan mengimarahkan surau serta mencuci kawasan kubur telah diadakan pada 24 Februari 2017 di Kg. Kunluang, Asun. Menurut Pengarah Projek sukarelawan ini iaitu Dr. Nurul Azita Salleh,

program ini telah disertai oleh 47 pelajar MOT dan 10 pensyarah dan staf pentadbiran dari Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML). Program yang dianjurkan antara kerjasama STML, UUM dengan SWCorp dan E-Idaman ini telah berlangsung dengan jayanya dengan penyertaan pelajar dari Persatuan Pengurusan Teknologi (MOTIC) di bawah Penasihat Dr. Fadhilah Mohd Zahari bersama Pengurus Cawangan Solid Waste Corporation (SWCorp) Kubang Pasu iaitu Puan Noorasikin Mohamad, 8 staf SWCorp serta En Iswandi dari E-Idaman. Tidak ketinggalan juga sukarelawan dari Jepun Mr. Kanemoto Kazuya yang turut terlibat dalam kerja amal ini mewakili SWCorp.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk membentuk sahsiah murni di kalangan para pelajar, pensyarah serta staf-staf bagi kerja amal yang dilaksanakan di samping mendekati, membantu dan beramah mesra dengan penduduk kampung. Wakil JKKK Kg. Kunluang, Asun iaitu Haji Ramli dan En. Nor Azman Ahmad telah melahirkan rasa syukur dan gembira apabila kampung mereka terpilih untuk kerja-kerja sukarelawan ini. Malah, mereka sentiasa mengalu-alukan kehadiran pihak-pihak yang terbabit untuk datang ke kampung mereka bagi sebarang aktiviti yang berkaitan. Dr. Nurul Azita mengucapkan terima kasih kepada penduduk Kg. Kunluang yang telah sudi meluangkan masa menyertai serta memasak 'ala kenduri' untuk peserta-peserta program ini.

Di samping itu, Dr. Nurul Azita turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas sumbangan dana, makanan, minuman, tenaga, peralatan dan pengangkutan sepanjang program berlangsung. Terima kasih juga kepada Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni, COB UUM iaitu Dr Hendrik Lamsali yang turut hadir menyampaikan cenderahati kepada wakil-wakil peserta bagi program ini.

Sekian.



Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML), Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Malaysia
Website: <http://stmlportal.net/> Tel: +6049287001 | Fax: +6049287070 | Email: stmlnet@uum.edu.my |



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.